

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH : RABU, 19 MAC 2014**

**RUJUKAN : L2 [PR-1321-L59778]**

**SOALAN :**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jangkaan tambahan jumlah pendapatan cukai pintu setahun yang akan dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hasil daripada peningkatan kadar nilai tahunan yang dikenakan oleh pihak DBKL.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjangkakan tambahan jumlah pendapatan cukai pintu setahun yang akan dikutip oleh DBKL hasil daripada peningkatan kadar nilai tahunan ini adalah sebanyak tambahan RM200juta setahun.

Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan tambahan ini hanya boleh dimuktamadkan selepas sesi pendengaran bantahan selesai pada bulan Mac ini.